

# Pembekal, pengguna kawal inflasi

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Selasa — Pembekal barangan atau perkhidmatan mesti berfikir sebagai pengguna dengan mengutamakan unsur kualiti bagi mengurangkan atau menghapuskan masalah kepenggunaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Inf, kata Perdana Menteri, pengguna dan pembekal adalah orang yang sama tetapi hakikat ini sering dilupakan.

"Pengguna yang menggunakan segala keperluan hidup adalah juga orang yang ketika bekerja menjadi pembekal, sama ada pembekal barangan atau perkhidmatan.

"Sering berlaku ketika menjadi pembekal, individu yang sama lupa dan tidak begitu mengutamakan unsur kualiti dan perkara lain yang dituntut olehnya sewaktu menjadi pengguna.

DA 5/5/93  
pentingan pengguna."

Beliau menegaskan, hakikat itu perlu disedari semua pihak jika inginkan pengguna mendapat apa yang menjadi haknya sekarang.

"Jika kita hanya sedar hak dan kepentingan pengguna ketika menjadi pengguna, tetapi lupa hak pengguna apabila menjadi pembekal, maka amatlah sukar bagi pengguna mendapati kepentingan mereka diutamakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terus melindungi kepentingan pengguna dengan menggariskan beberapa langkah perlu dalam Rancangan Malaysia Keenam yang antara lain menghuraikan perlunya sektor swasta dan awam bekerjasama mewujudkan kesedaran kepenggunaan.

Menurutnya, antara ke-

"Demikian seorang yang menjadi penyelia, pelayan kedai, pekerja kilang, pemborong atau pemberita kerap kali tidak memberi tekanan kepada khidmatnya atau barangan yang dibekalkan ketika ia menjalankan kerja.

"Kemudian apabila memerlukan khidmat orang lain atau membeli barangan, ia bertukar menjadi seorang pengguna yang amat kritikal atau kualiti khidmat atau barangan yang dibelinya," katanya.

Berucap melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1993 di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, jika semua orang berpegang kepada kriteria yang sama ketika menjadi pengguna atau pembekal, masalah pengguna dapat dikurangkan, bahkan dihapuskan sama sekali.

Sambutan itu yang bertemakan 'Peranan pengguna dan inflasi' dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Dr Mahathir berkata: "Masalah pengguna sebenarnya berasaskan kepada adanya dua personaliti yakni sementara sebagai pengguna, kita mahu diberi layanan yang baik, tetapi apabila kita melayan atau membekalkan barangan, kita tidak memikirkan keperluan atau ke-

pentingan pengguna yang dititikberatkan oleh kerajaan dan swasta ialah pengawalan kos serta kualiti yang turut memanfaatkan pembekal.

Katanya, pengeluar, pengedar dan peruncit mestilah sedar bahawa lebih selamat mendapat keuntungan yang sederhana tetapi berkekalan, daripada mendapat keuntungan besar dalam jangka masa pendek saja.

Selain kawalan kos dan kualiti, katanya, kerajaan menerusi pelbagai agensinya menguatkuasakan undang-undang bagi melindungi pengguna.

Perdana Menteri juga menasihatkan, sektor swasta terutama syarikat besar supaya menyelesaikan aduan dalaman dan pembabitannya sejajar dengan dasar persyarikatan Malaysia.

Katanya, setiap syarikat yang mencatat kejayaan hendaklah memastikan ia komited kepada kualiti pengeluaran, termasuk jangan melakukan sesuatu yang tidak beretika untuk mencapai keuntungan.

Dr Mahathir selanjutnya mengingatkan pengguna bahawa walaupun berhak dilindungi, tetapi jangan menekan hak mereka secara keterlaluan, lagipun tidak semua sek-

LIHAT MUKA 2 ✓

# Mahathir minta rakyat terus berjimat

## DARI MUKA 1

tor swasta yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, katanya, persatuan pengguna hendaklah mengkaji sesuatu secara mendalam sebelum membuat desakan manakala kerajaan sedia bekerjasama dengan persatuan pengguna.

"Jika pembekal degil, maka tindakan tegas seperti memboikot boleh diambil. Tetapi jika tindakan yang ekstrim mudah diambil, kredibiliti persatuan akan merosot," katanya.

Menurutnya, tindakan yang ekstrim boleh menjejaskan ekonomi negara yang mana ini akhirnya akan merugikan pengguna.

Katanya, pertumbuhan ekonomi negara yang mantap memanfaatkan rakyat manakala taraf hidup pengguna terus meningkat, termasuk dari segi pemilikan televisyen, kenderaan dan telefon.

Beliau berkata, purata pendapatan bulanan isi rumah juga meningkat daripada RM264 pada 1970 kepada RM1,163 pada 1990.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya terus berjimat-cermat dan mengelak pembaziran, sebaliknya jika pendapatan meningkat, adalah lebih baik melabur atau menabung.

Katanya lagi, Malaysia sudah menjadi ahli Paris Convention dan Berne Convention dalam aspek harta intelek, bertujuan memastikan keluaran yang dipasarkan bermutu tinggi.

"Dalam jangka pendek, ada kemungkinan tindakan Malaysia ini memberi kesan kepada pengguna yang terpaksa membayar harga lebih tinggi, tetapi dalam jangka panjang, ia boleh memberi kesan positif kepada proses pemindahan teknologi," katanya.